


4 produk PSA bantu usahawan IKS



Gopeng: Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor menghasilkan empat produk inovasi terbaru dalam usaha membantu usahawan industri kecil dan sederhana (IKS).

Inovasi berkenaan antara 16 projek Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN) dilaksanakan institusi itu setakat ini. Empat produk itu ialah mesin berasaskan teknologi bagi memudahkan dan mempercepatkan penyediaan makanan iaitu pengisian pelbagai saiz ais krim, mesin membuat perencah nasi goreng, pembungkus biskut kering dan acuan coklat.

Semua produk terbabit diserahkan kepada empat usahawan IKS iaitu Mohd Jonaidi Othman, Lalida Maenoh, Nurul Haiza Abd Aziz dan Zuliana Abd Munaim.

Penyerahan itu disempurnakan Pengarah PSA, Tajuddin Abdul Rashid dengan disaksikan oleh Pengarah Kanan (Akademik) Jabatan Pendidikan Politeknik, Azizi Lin, pada Majlis Penyerahan Produk PPRN 2017 PSA di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di sini, semalam.

Tajuddin berkata, projek PPRN dapat menyelesaikan isu kekurangan teknologi yang tidak mampu ditangani usahawan, sekali gus mengembangkan perniagaan mereka.

“PSA terima 16 geran PPRN serta menyiapkan dan menyerahkan 12 produk kepada pemain industri. Selebihnya tiga produk diserahkan kepada usahawan pada 22 Februari ini, manakala produk terakhir pada hujung tahun,” katanya pada sidang media selepas merasmikan program berkenaan, semalam.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 16 Februari 2017 @ 8:24 AM